


# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## Press Release



20 Februari 2023

Chancellery Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 51216  
Fax +60 82 665088  
Email: azadnurlisa@unimas.my

Program Berkhatan anjuran SK Kampung Baru dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UNIMAS

**18 Februari 2023, Kota Samarahan :** Seramai 32 orang pelajar dari SK Kampung Baru telah mengikuti program berkhatan beramai-ramai di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Program ini dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kampung Baru dengan kerjasama FPSK, UNIMAS dan Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) Samarahan.

Program kemasyarakatan ini sebagai salah satu usaha pihak sekolah mengimarahkan sunnah dan membantu golongan yang memerlukan. Di samping itu, keterlibatan Fakulti Perubatan Sains Kesihatan (FPSK), menterjemahkan pegangan UNIMAS yang menekankan konsep "*Community Driven University*", berkongsi kepakaran bersama komuniti seterusnya memastikan agar proses berkhatan dilakukan dalam keadaan yang selamat, bersih dan melalui nasihat perubatan selepas berkhatan.

Seramai 10 orang doktor yang merupakan pensyarah perubatan yang dibantu oleh jururawat, Pembantu Pegawai Perubatan (PPP) dan pelajar perubatan dari fakulti telah terlibat dalam program ini. Manakala, 4 orang PPP dari PKB Samarahan turut sama menjayakan program tersebut. Turut membantu ialah pegawai pelaksana fakulti yang memastikan kelancaran perjalanan program.

Terdahulu, majlis pelancaran dan doa selamat telah diadakan di SK Kampung Baru pada 17 Februari, iaitu sehari sebelum aktiviti berkhatan dijalankan. Acara tersebut telah diwarnai dengan gimik perasmian seperti perarakan peserta berkhatan keliling kampung, acara mandi sembur oleh pihak bomba, bacaan doa selamat, zikir dan acara tepung tawar.

Pihak sekolah juga telah menyerahkan peralatan berkhatan kepada Dekan, Prof Dr Asri bin Said, sebagai simbolik penyerahan amanah berkhatan kepada juru khatan yang bakal menjalankan tugas mereka.

Turut sama dalam majlis pelancaran dan doa selamat tersebut ialah wakil kepada Yang Berhormat Dato' Hj Idris bin Buang, merangkap ADUN N16 Muara Tuang, iaitu Tuan Aziz Mohammad (Ketua Marqas Operasi ADUN N16 Muara Tuang), Yang Di Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kampung Baru, Yang Berusaha Encik Mohd Alfian Syahfirul bin Abdullah, Pengurus Program, Cikgu Sebli bin Mentarang dan Penolong Pendaftar Kanan FPSK, Encik Mohamad Hidayat Bin Badar.

Disediakan oleh;

Penulis: Prof Madya Dr. Helmy bin Hazmi

Jurugambar: En. Muhammad Farhan Afham bin Mohammad Fooad

Disemak oleh;

Cik Dayang Nurlisa binti Abang Zainal Abidin (Unimas Corporate)

**U N I M A S**